



DELEGASI dari Asia Pasifik yang menyertai Seminar 'Making a Difference for Entrepreneurs: Doing Business in Asia' bergambar kenangan di ibu pejabat SSM.



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**

Oleh Haryani Ngah  
[aryani@bharian.com.my](mailto:aryani@bharian.com.my)

**B**ERSEMPENA Seminar Bank Dunia yang berlangsung pada 16 dan 17 Mac lalu, delegasi dari Asia Pasifik yang menyertai Seminar 'Making a Difference for Entrepreneurs: Doing Business in Asia' membuat lawatan ke ibu pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk melihat dengan lebih dekat sistem pemerbadanan syarikat dan proses memulakan perniagaan.

Menerusi lawatan dua hari itu yang membabitkan beberapa kumpulan kecil, peserta didekah dengan inisiatif yang disediakan oleh SSM kepada orang awam untuk menjalankan perniagaan.

Mereka juga berpeluang menyaksikan sendiri prosedur untuk memulakan perniagaan menerusi '1 Day Incorporation Single Interaction Counters (Incorporation Counters)' di ibu pejabat SSM.

Aktiviti lawatan termasuk mengunjungi Incorporation Counters yang turut disertai wakil dari Bank Dunia iaitu satu badan yang bertanggungjawab menerbitkan keluaran Ease of Doing Business Report setiap tahun.

Turut mengikuti lawatan berkenaan adalah wakil dari Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMU-DAH) iaitu petugas khas (taskforce) yang ditubuhkan oleh

kerajaan untuk membangunkan perniagaan.

Menerusi lawatan berkenaan, perkara yang ditekankan oleh pihak pengurusan tertinggi SSM membabitkan inovasi dalam permulaan transformasi perniagaan di Malaysia termasuk e-inisiatif SSM dan proses semakan semula proses dan prosedur pemerbadanan syarikat di Malaysia.

Penerangan mengenai tiga peringkat evolusi penambahan dalam proses pemerbadanan syarikat, di mana jumlah prosedur dikurangkan daripada sembilan menjadi satu dan jumlah hari daripada 11 hari kepada satu hari.

Sistem Laluan Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) dan semakan undang-undang sejia ada dilaksanakan untuk memudahkan cara melakukan perniagaan.

Peserta lawatan diberi pendekaran mengenai inovasi SSM dalam membawa pembaharuan untuk memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Antara inovasi SSM adalah e-Info, e-Lodgement dan 1 Day Incorporation Service, manakala perkhidmatan e-Info dan e-Lodgement adalah servis yang disediakan atas talian oleh SSM untuk mendapatkan maklumat berhubung syarikat dan perniagaan dan serah-simpan dokumen.

Menerusi sistem itu rekod sehingga Februari 2011 me-

## Delegasi Asia Pasifik didekah inovasi SSM

Peserta seminar Bank Dunia saksi prosedur mula perniagaan



DELEGASI Bank Dunia dibawa melawat ke kaunter di tingkat 17, Menara SSM@Sentral untuk melihat proses kerja pemerbadanan syarikat sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Azmi Ariffin (kanan).

nunjukkan terdapat 2,889,384 transaksi untuk e-Info dan 546,400 bagi e-Logdement.

Kedua-dua perkhidmatan atas talian ini diperkenalkan oleh SSM sebagai usaha untuk meningkatkan transaksi perniagaan harian dengan menyediakan perkhidmatan atas talian yang boleh dilayari di mana saja dan pada bila-bila masa.

Perkhidmatan e-Lodgement memperkuuhkan integriti rekod syarikat dan pe-

milik saham terus menerusi atas talian, secara tak langsung dapat menghapuskan sebarang ketidakaksamaan maklumat.

SSM dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) memperkenalkan 1 Day Incorporation pada 1 April 2010 untuk menggugurkan prosedur tertentu dan mengurangkan jangkamasa proses pemerbadanan syarikat.

Kini semua proses untuk mencari nama dan mendapatkan kelulusan, penyerahan dokumen, memorandum dan artikel persatuan, penyeteman dan pembelian boleh dilaksanakan secara berterusan menerusi satu kaunter interaksi saja.

Sementara MyCoID adalah teknologi terkini yang dilaksanakan oleh SSM dengan kerjasama lima agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Bhd (PSMB) dan SME Corp secara serentak dan automatik dilaksanakan sejak 16 Februari 2011.

Pembangunan sistem laluan MyCoID yang menggabungkan proses penubuhan syarikat dan pendaftaran dengan agensi lain akan membolehkan urusan pendaftaran dengan pelbagai agensi dapat dilakukan pada masa yang sama.

Perubahan dalam perundangan syarikat yang sedang diusahakan dan SSM melalui draf Rang Undang-undang syarikat yang baru membabitkan aspek berkaitan pengguguran keperluan memorandum dan artikel syarikat memudahkan proses pemerbadanan peruntukan undang-undang tentang saham tanpa nilai par, pengekalan modal, caj, tadbir urus korporat dan penguasaan.

Perubahan membabitkan pengenalan rangka undang-undang baru yang akan digunakan oleh semua syarikat, memperkenalkan konsep satu pengarah/anggota syarikat dan undang-undang yang diper mudahkan prosedur untuk syarikat dan pengurangan kos pemerbadanan dan pematuhan bagi syarikat.